

19 DEC 2003

Abdullah-Penghargaan

ABDULLAH SIFATKAN TUN DR MAHATHIR NEGARAWAN ULUNG BERWAWASAN TINGGI

PUTRAJAYA, 19 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad di atas segala jasanya yang membolehkan Malaysia muncul sebagai negara berjaya dan dikenali di pentas antarabangsa.

Sambil menyifatkan bekas perdana menteri itu sebagai negarawan ulung yang berwawasan tinggi, Abdullah berkata: "Jasa Tun memang tidak terhingga.

"Saya, mewakili rakyat Malaysia...ingin merakamkan ucapan terima kasih kami atas segala jasa, bakti, tunjuk ajar, bimbingan, cetusan pemikiran, pendapat dan pengorbanan Tun yang tidak ternilai harganya."

Beliau berkata demikian pada jamuan malam tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia yang turut meraikan Dr Mahathir dan isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Ketika menyampaikan penghargaan serupa kepada Dr Siti Hasmah, Abdullah berkata beliau merupakan seorang wanita yang telah melakukan pengorbanan besar untuk negara.

Secara berseloroh, Perdana Menteri berkata beliau gembira melihat kedua-dua mereka nampak sihat berikutan dengan persaraan Dr Mahathir pada 31 Okt lepas.

"Saya nampak mereka lebih muda daripada saya." Disambut dengan tepukan daripada hadirin.

Abdullah berkata di bawah kepimpinan Dr Mahathir, negara menyaksikan pembangunan prasarana fizikal yang pesat selain berjaya diletakkan di pesada dunia sehingga nilai begitu tinggi sekali diberikan ke atas nama "Malaysia".

"Ianya adalah satu pengiktirafan kepada kestabilan politik, kekuatan ekonomi, perpaduan kaum dan semangat gigih rakyat Malaysia semua dalam membangunkan negara di bawah kepimpinan Tun," katanya.

Abdullah mengakui memang menjadi tugasnya untuk mengurus dan meneruskan kejayaan yang dicapai selama ini dan ia hanya dapat dilaksanakan dengan sokongan semua rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

MAM BK